

Kertas Bil. 28/2024



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN,
KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN
KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA
KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA)
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN
SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024**

PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK–SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Perubahan Iklim, Kebajikan, Kesihatan, Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Agama dan Wanita Serta Kesejahteraan Hidup (JPK – SEJAHTERA) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) - (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kelima Belas Tahun 2024 pada 15 November 2024, 18 November 2024 – 22 November 2024 dan 25 November 2024 – 28 November 2024.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada mesyuarat JPK–SEJAHTERA Bil. 11/2024 bertarikh 17 September 2024, YB Bukit Gasing telah membangkitkan isu perubahan dasar bagi program Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) 2024 yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.
- 2.2. Jawatankuasa berpendapat perubahan dasar pelaksanaan program BINGKAS ini telah menyulitkan proses kelulusan yang perlu dibuat oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) memandangkan peningkatan besar jumlah pemohon yang layak.
- 2.3. Justeru, bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perubahan dasar pelaksanaan Program BINGKAS 2024 tersebut, jawatankuasa telah memutuskan untuk menjemput Exco Pembangunan Wanita & Kebajikan Masyarakat, YB Puan Anfaal Binti Saari ke Mesyuarat JPK–SEJAHTERA Bil. 12/2024 yang diadakan pada 4 Oktober 2024.

PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK-SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

2.4. Ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat adalah:

- | | | |
|-------|-----------------------------------|-------------------------|
| 2.4.1 | YB Puan Mariam Binti Abdul Rashid | (N42 Meru) |
| 2.4.2 | YB Tuan Sallehein bin Mukhyi | (N02 Sabak) |
| 2.4.3 | YB Tuan Mohd Razali bin Saari | (N03 Sungai Panjang) |
| 2.4.4 | YB Dato' Harrison bin Hassan | (N12 Jeram) |
| 2.4.5 | YB Tuan Rajiv A/L Rishyakaran | (N34 Bukit Gasing) |
| 2.4.6 | YB Puan Pua Pei Ling | (N37 Bukit Lanjan) |
| 2.4.7 | YB Tuan Dr. Quah Perng Fei | (N45 Bandar Baru Klang) |

3. KETERANGAN

3.1. YB Exco memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2024 pada 3 April 2024 yang disahkan oleh MMKN ke 11/2024 pada 8 April 2024 telah bersetuju dengan penambahbaikan polisi berkenaan syarat pendapatan dan tanggungan bagi Program BINGKAS seperti berikut:

- 3.1.1. Syarat pendapatan bulanan isi rumah iaitu daripada bawah RM3000.00 dipinda kepada bawah RM5000.00
- 3.1.2. Jumlah tanggungan minimum daripada seorang dipinda kepada dua orang yang berusia 18 tahun ke bawah.

PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK-SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

- 3.2. YB Exco memaklumkan bahawa permohonan BINGKAS dalam golongan yang berpendapatan RM3001 ke atas meningkat sebanyak 1236% pada tahun 2024 selepas Kerajaan Negeri menetapkan syarat pendapatan RM5000 ke bawah.
- 3.3. YB Exco menjelaskan perubahan syarat kelayakan bagi pendapatan isi rumah dan jumlah tanggungan dibuat oleh Kerajaan Negeri berasaskan data dan keperluan semasa rakyat Negeri Selangor dan kenaikan syarat pendapatan daripada RM3000 kepada RM5000 adalah sejajar dengan pendapatan isi rumah kasar penengah Negeri Selangor bagi kumpulan B40 iaitu RM5,708.
- 3.4. Keputusan Kerajaan Negeri meningkatkan syarat tanggungan daripada seorang kepada minimum dua orang anak adalah signifikan berdasarkan data DOSM berkaitan isi rumah dan trend permohonan BINGKAS bagi tahun 2022 dan 2024.
- 3.5. YB Exco menegaskan keputusan tersebut dibuat bertujuan bagi memastikan pengagihan dana yang terhad dilaksanakan dengan adil berdasarkan pendapatan dan saiz isi rumah terutamanya bagi keluarga yang mempunyai beban kewangan yang lebih besar.
- 3.6. Sebagai langkah kawalan, permohonan BINGKAS dibuka secara berperingkat iaitu pada 1 Julai 2024 hingga 15 Ogos 2024. Kerajaan Negeri memberi tempoh selama 45 hari kepada Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) untuk meluluskan permohonan secara berperingkat.
- 3.7. Permohonan ditutup sementara pada 15 Ogos 2024 hingga 31 Oktober 2024 dan akan dibuka semula pada 1 November 2024.
- 3.8. Bagi permohonan yang baru, PKM diberi tempoh selama 75 hari untuk memproses permohonan apabila sistem ditutup sementara.

PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK-SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

- 3.9. YB Exco mengambil maklum tentang aduan YB Pengerusi bahawa terdapat beberapa PKM yang terpaksa meletakkan syarat tersendiri untuk kelulusan permohonan program BINGKAS disebabkan jumlah permohonan yang terlalu banyak sedangkan kuota yang diberikan adalah sedikit.
- 3.10. Menurut YB Exco, Sistem juga membenarkan kelulusan khas diberikan kepada pemohon dari kumpulan rentan yang mempunyai seorang anak. Walau bagaimanapun, kuasa melulus permohonan tersebut tertakluk atas budi bicara YB Ahli Dewan Negeri di kawasan terbabit.
- 3.11. YB Exco memaklumkan Kerajaan Negeri buat masa sekarang tidak akan menurunkan semula syarat kelayakan pendapatan daripada RM5000 ke RM3000 kerana perkara itu akan memberikan persepsi negatif terhadap Kerajaan Negeri.
- 3.12. YB Exco mengambil maklum tentang cadangan penambahan kuota berdasarkan populasi rakyat di Selangor yang berada dalam kategori B40 dan kajian akan dibuat untuk merangka polisi baharu tersebut untuk pelaksanaan 2026 dan ke atas. Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri masih menggunakan polisi yang sedia ada.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1. Berdasarkan kiraan daripada data yang diberikan semasa sesi keterangan, berikut adalah penemuan Jawatankuasa:
- 4.1.1. Terdapat lebih kurang 1,800,000 isi rumah (keluarga) di Selangor pada tahun 2024
- 4.1.2. 20% isi rumah ini berpendapatan di bawah RM5,708 sebulan.

PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK-SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

- 4.1.3. Oleh itu, dianggarkan lebih kurang 300,000 keluarga berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan
- 4.1.4. Kuota penerima Bingkas sebanyak 30,000 jauh kurang daripada bilangan isi rumah yang layak jika syarat pendapatan yang ditetapkan adalah RM5000 ke bawah.
- 4.2. Berdasarkan purata jumlah golongan keluarga berpendapatan di bawah RM5000 di Selangor, seramai 300,000 keluarga yang mungkin layak memohon program BINGKAS tersebut sedangkan kuota penerima hanya 30,000. Perkara ini memberi impak yang besar dan beban kepada PKM dan Ahli Dewan Negeri untuk menapis dan meluluskan permohonan yang diterima.
- 4.3. Jawatankuasa mendapati terdapat beberapa Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) terpaksa meletakkan syarat tersendiri bagi meluluskan permohonan program BINGKAS tersebut disebabkan jumlah permohonan yang terlalu banyak dan kuota yang sedikit.

5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri mengetatkan syarat kelayakan supaya penerima yang paling layak sahaja menerima bantuan terhad ini.
- 5.2. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri menetapkan syarat khas permohonan BINGKAS kepada pemohon yang berpendapatan RM3000 ke RM5000 seperti mempunyai jumlah tanggungan yang ramai (anak melebihi 2 orang), anak OKU dan anak yang masih bersekolah kerajaan agar bantuan BINGKAS tersebut akan disalurkan kepada pemohon yang benar-benar layak.

PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK–SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

6. SENARAI EDARAN

- 6.1. Slaid Pembentangan mengenai Program Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) 2024 kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perubahan Iklim, Kebajikan, Kesihatan, Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Agama Dan Wanita Serta Kesejahteraan Hidup (JPK–SEJAHTERA) bagi Dewan Negeri Selangor 2024 bertarikh 4 / 10 / 2024


PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK–SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

7. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi yang cemerlang dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincang dan diluluskan oleh JPK–SEJAHTERA dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 13/2024 pada 14 Oktober 2024.

Disahkan oleh:



Y.B. Puan Mariam Binti Abdul Rashid

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perubahan Iklim, Kebajikan, Kesihatan, Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Agama dan Wanita serta Kesejahteraan Hidup
(JPK – SEJAHTERA)

PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK–SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Khas mengenai Perubahan Iklim, Kebajikan, Kesihatan, Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Agama dan Wanita serta Kesejahteraan Hidup (JPK – SEJAHTERA)

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1) | YB Puan Mariam Binti Abdul Rashid
(N42 Meru) | Pengerusi |
| 2) | YB Tuan Sallehein Bin Mukhyi
(N02 Sabak) | Ahli |
| 3) | YB Tuan Mohd Razali bin Saari
(N03 Sungai Panjang) | Ahli |
| 4) | YB Dato' Harrison Bin Hassan
(N12 Jeram) | Ahli |
| 5) | YB Tuan Rajiv A/L Rishyakaran
(N34 Bukit Gasing) | Ahli |
| 6) | YB Puan Pua Pei Ling
(N37 Bukit Lanjan) | Ahli |
| 7) | YB Tuan Dr. Quah Perng Fei
(N45 Bandar Baru Klang) | Ahli |

PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK-SEJAHTERA) BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) 2024

URUS SETIA

- 1) Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)

- 2) Encik Ahmad Fuad Hilmi Bin Muhamad
Penolong Setiausaha (Dewan)

- 3) Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi
Pembantu Setiausaha Pejabat (Dewan)

- 4) Encik Ahmad Faiz Bin Mustafa Amirrudin
Pegawai Penyelidik Kanan

- 4) Encik Mohamad Najmi Bin Abd Razak
Pegawai Penyelidik